

KATA-KATA HIKMAT TINGKATAN 2

Arahan: Padankan kata-kata hikmat berikut, berdasarkan situasi di bawah.

muafakat membawa berkat

ilmu pelita hidup

otak cerdas, badan cergas

membaca jambatan ilmu

keadilan tidak mengenal kawan

pandu cermat jiwa selamat

hidup ini adalah satu perlumbaan

bahasa menunjukkan bangsa

kata mesti dikota

masa itu emas

1. Pandulah kenderaan anda dengan berhati-hati kerana _____.
2. Jika kita rajin membaca maka bertambahlah pengetahuan kita kerana _____.
3. Janganlah kita membuang masa dengan sia-sia kerana _____.
4. Kementerian Pelajaran Malaysia melancarkan Dasar 1 Murid 1 Sukan kerana memegang prinsip _____.
5. Setiap parti yang menang dalam pilihan raya umum harus menunaikan janji yang termaktub dalam manifesto parti kerana _____.
6. _____. Oleh sebab itu, kita harus bertindak secara bijaksana untuk mencapai kemenangan," kata Cikgu Hamid kepada pelajar-pelajarnya.
7. Dengan ilmu yang ada padanya, dia berjaya mengatasi setiap masalah dengan tenang. Benarlah kata orang tua-tua, _____.
8. "Walaupun kamu sahabatku, namun aku terpaksa melaporkan kesalahan kamu kepada guru disiplin _____," kata Alimin.
9. Bertuturlah dengan sopan santun kerana _____.
10. Sebelum menjalankan rancangannya hendak memajukan kampung, penghulu itu berbincang dengan anak buahnya dulu. Dia yakin bahawa _____.